

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1993/94

April 1994

YFP 304/6 - Penerbitan Filem II

Masa: [3 jam]

Jawab **Soalan 1** dan **DUA** (2) soalan lain.

1. Tuliskan satu apresiasi kritikal terhadap filem yang anda baru tonton dengan memberi ulasan tentang alat-alat sinematik (cinematic devices) yang digunakan oleh pengarahnya.

(40 markah)

2. "Filem adalah media sosial ". Adakah anda bersetuju dengan pandangan ini? Beri sebab-sebab untuk jawapan anda.

(30 markah)

3. "Filem boleh dibentuk atau musnah di meja penyuntingan". Adakah anda bersetuju dengan pandangan ini? Beri contoh-contoh untuk membuktikan jawapan anda.

Apakah masalah yang dihadapi oleh kumpulan anda semasa menyunting filem anda? Bagaimanakah masalah tersebut diselesaikan?

(30 markah)

4. Sekiranya anda diminta menerbitkan tiga buah dokumentari pendek atas tiga tajuk pilihan anda, apakah tajuk-tajuk yang akan anda pilih? Beri sinopsis lengkap apakah perkara-perkara yang akan anda tunjukkan di dalam filem anda?

(30 markah)

...2/-

5. Berikan satu laporan terperinci tentang berbagai langkah di dalam penerbitan filem anda daripada konsepnya hingga penerbitan akhir. Ulaskan peranan anda sendiri di dalam kumpulan penerbitan anda.

(30 markah)

-000Oooo-